

31 OCT 1997

G15 : PELUANG INTIP PELUANG PELABURAN MENERUSI BENGKEL

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Satu bengkel perniagaan sempena sidang kemuncak negara-negara G15 akan bermula di sini esok hingga 5 Nov sebagai landasan kepada sektor swasta kumpulan negara terbabit menjalin hubungan perdagangan dan pelaburan.

Antara pegawai yang akan memberikan ceramah dalam bengkel itu, yang akan berlangsung di Pusat Pameran Mines, ialah dari Brazil, Mesir, India, Mexico, Jamaica, Algeria dan Argentina, kata pegawai Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Mereka akan menyentuh mengenai iklim pelaburan, peluang perdagangan dan cara mengadakan perniagaan di negara masing-masing.

Serentak dengan itu, satu Pameran Perniagaan G15 dan Pameran Produk Malaysia juga diadakan di tempat yang sama. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pameran itu yang dibuka kepada orang ramai.

Pameran Perniagaan G15 disertai 144 syarikat dari 14 negara yang akan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka yang meliputi barangan kimia, besi dan waja, komponen dan alat gantian automotif, peralatan industri, tekstil dan barangan plastik.

Pameran Produk Malaysia pula disertai oleh 93 syarikat dan agensi utama dengan penekanan khusus diberikan kepada promosi barangan jenama Malaysia.

-- BERNAMA

JR MAI